

# Program Geografi Lawat Universiti Chulalongkorn

Terakhir dikemaskini: Selasa, 13 Jun 2017 15:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1126

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**SELASA, 13 JUN** - Pelajar Tahun 3 Program Geografi Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan Program Jalinan Kasih Geografi dengan Universiti Chulalongkorn di Bangkok, Thailand.

Program selama empat hari itu disertai 18 pelajar dan seorang pensyarah penasihat Geografi, Dr. Mohammad Tahir Mapa.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Program Geografi FKSW, rombongan UMS disambut Ketua Program Geografi Universiti

Chulalongkorn, Panee W. Cheewinsiriwat.

Panee kemudian bersama-sama pelajar universiti itu membawa ahli rombongan melawat sekitar fakulti mereka.

Selain itu, pelajar universiti itu juga mengadakan perkongsian tentang kajian yang dijalankan disusuli dengan perkongsian balas dari pihak UMS tentang suasana dan keindahan kampus UMS.

Yang menarik perhatian para ahli rombongan ialah bas elektrik yang menjadi salah satu sistem pengangkutan di universiti itu selain setiap fakulti disimbolkan menggunakan jenis bunga serta para mahasiswa diwajibkan menggunakan uniform untuk ke kelas.

Rombongan itu juga turut berkesempatan mengadakan lawatan ke Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok dan pelbagai destinasi pelancongan seperti *Muzium Wang Na Palace*, *Chocolate Ville*, *Wat Pho*, dan *Asiatique The River Front*.

Sumber: Program Geografi, FKSW